

Sabah berjaya kekalkan prestasi kewangan 2011

dan antara terbaik di M'sia

OLEH MARRYAN RAZAN
marryan@newsabah-times.com.my

KOTA KINABALU: Ketua Audit Negara Tan Sri Ambrin Buang berkata, kerajaan Negeri Sabah berjaya mengekalkan prestasi kewangan yang baik pada tahun 2011 dan merupakan antara yang terbaik di seluruh Malaysia.

Beliau berkata ini adalah satu pencapaian yang membanggakan.

"Selain pencapaian yang semakin meningkat dalam pengurusan kewangan, saya juga perhatikan Kerajaan Negeri Sabah mengekalkan Sijil Tanpa Teguran bagi Penyata Kewangan Kerajaan Negeri untuk tempoh 12 tahun berturut-turut iaitu sejak tahun 2000," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Anugerah Kemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti, disini, kelmarin.

Pada majlis itu enam jabatan dan agensi kerajaan negeri menerima anugerah iaitu Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri, Jabatan Bendahari Negeri, Jabatan Cetak, Lembaga Bandaran Kudat dan Koperasi Pembangunan Desa.

Kesemua anugerah itu disampaikan oleh Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman. Turut hadir Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Sukarti Wakiman dan Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan Sabah Datuk Pangiran Hassanal Pangiran Muhamad Tahir.

Ambrin berkata, berdasarkan penauditan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti sejak 2007 hingga 2011 terhadap 106 kementerian, jabatan dan agensi negeri, secara umumnya ia menunjukkan prestasi pengurusan kewangan yang baik dan menggalakkan.

"Pada tahun 2011, sebanyak 34 kementerian, jabatan dan agensi negeri telah diaudit di mana pengurusan kewangan bagi enam jabatan dan agensi berada pada tahap sangat baik dan mendapat penarafan empat bintang.

"Manakala 21 kementerian, jabatan dan agensi negeri pula berada pada tahap baik dengan penarafan tiga bintang dan tujuh lagi berada pada tahap memuaskan," katanya.

Beliau berkata, Jabatan Bendahari

Negeri Sabah adalah contoh terbaik kerana berjaya mengekalkan pencapaian empat bintang untuk tempoh empat tahun berturut-turut sejak 2008.

"Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Koperasi Pembangunan Desa turut mendapat empat bintang pada tahun 2011 iaitu merupakan tahun pertama penarafan diberikan.

"Tiga lagi jabatan iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri, Jabatan Cetak dan Lembaga Bandaran Kudat menunjukkan prestasi cemerlang iaitu meningkat daripada tahap baik pada 2008 kepada sangat baik pada tahun lalu.

"Saya berharap pengurusan kewangan yang cemerlang ini dapat dikekalkan dan terus ditambah baik

pada masa akan datang," katanya.

Ambrin berkata, bagi memperlihatkan kerajaan dan pentadbiran awam di Sabah sentiasa mengamalkan tadbir urus yang baik, ketua-ketua jabatan, agensi dan anak-anak syarikat kerajaan negeri perlu memastikan mereka tidak lewat menyerahkan penyata kewangan untuk diaudit dan memperolehi sijil bersih.

Beliau turut menyeru penjawat awam negeri supaya terus mempertingkatkan budaya kerja cemerlang dengan melaksanakan dan memantau projek kerajaan negeri bagi mengelak kelemahan.

"Ini penting untuk memastikan projek itu berbaloi dan memberi kesan positif kepada rakyat," katanya.

SABAH TIMES

26 SEPTEMBER 2012

FRONT PAGE

KECEMERLANGAN

BUKTI KECEKAPAN K'JAAN: MUSA

Dalam menguruskan hasil-hasil negeri
dengan baik, cekap dan teratur

OLEH MARRYAN RAZAN
marryan@newsabahtimes.com.my

KOTA KINABALU: Kejayaan Sabah mengurus kewangannya dengan cemerlang membuktikan kemampuan kerajaan negeri mengurus hasil-hasil negeri dengan baik, cekap dan teratur, kata Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman.

Beliau berkata ia sekaligus menolak tanggapan negatif dan tuduhan tidak berasas pihak tertentu yang mempertikaikan kecekapan kerajaan negeri mengurus kewangan.

"Kejayaan kerajaan negeri mengekalkan Sijil Tanpa Teguran selama 12 tahun berturut-turut sejak tahun 2000 juga amat membanggakan, sekaligus meletakkan Sabah sebagai antara negeri terbaik di Malaysia dari segi akauntabiliti dan kecekapan pengurusan kewangan.

"Penganugerahan itu sekaligus membawa imej positif kepada Sabah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Indeks Akauntabiliti Jabatan Audit Negara bagi tahun 2011, di Grand Ballroom Shangri-La's Tanjung Aru Resort, di sini, kelmarin.

Turut hadir Ketua Audit Negara Tan Sri Ambrin Buang, Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Sukarti Wakiman dan Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan Sabah Datuk Pangiran Hassanal Pangiran Muhamad Tahir.

Pada majlis itu enam jabatan dan agensi kerajaan negeri menerima anugerah iaitu Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri, Jabatan Bendahari Negeri, Jabatan Cetak, Lembaga Bandaran Kudat dan Koperasi Pembangunan Desa.

Musa yang juga Menteri Kewangan Negeri gembira kerana sebahagian agensi negeri yang diaudit menunjukkan prestasi pengurusan ke-

wangan yang bertambah baik dan membolehkan agensi berkenaan berdikari serta membayar balik pinjaman, seterusnya menyalurkan dividen kepada kerajaan negeri.

"Ia merupakan petunjuk yang amat baik dan positif kerana peruntukan yang dijmakat dan dividen yang disalurkan membolehkan kerajaan melaksanakan pelbagai program pembangunan untuk faedah rakyat," katanya.

Beliau berkata kerajaan negeri akan terus berusaha memperluaskan lagi sumber-sumber pendapatannya supaya pembangunan yang sedang rancak dilaksanakan oleh kementerian, jabatan atau agensi di seluruh negeri dapat terus diperlakukan untuk dinikmati semua lapisan masyarakat.

Sehubungan itu beliau menyeru semua penjawat awam supaya berganding bahu dengan tekad dan iltizam untuk menjadikan Sabah sebagai sebuah negeri yang maju seiring dengan Halatuju Pembangunan dan Kemajuan Negara.

"Saya yakin dan percaya, kita mampu melaksanakan segala program yang dirancang dengan kerjasama yang padu dan jitu daripada semua pihak khususnya para penjawat awam di negeri ini.

"Bagaimanapun suka saya mengingatkan bahawa kita tidak seharusnya cepat berasa selesa atau mudah berpuas hati dengan pencapaian ini.

"Apa yang penting, kita perlu terus memantapkan usaha bagi membolehkan pencapaian ini kekal dan ditingkatkan lagi untuk menyokong pelbagai pembangunan di semua peringkat," katanya.

Musa percaya sekiranya amalan pengurusan kewangan berhemah dijadikan budaya dalam organisasi dan amalan kerja seharian, prestasi kewangan akan bertambah cekap dan meningkatkan daya saing.

Lihat Muka 3

SABAH TIMES

26 SEPTEMBER 2012

FRONT PAGE

Musa berterima kasih kepada Ketua Audit Negara

Beliau berharap anugerah Sijil Tanpa Teguran itu mencetuskan semangat dan iltizam serta menjadi motivasi kepada semua penjawat awam negeri untuk terus bekerja dengan lebih gigih bagi memacu kemajuan negeri demi kesejahteraan dan kemakmuran seluruh rakyat di Sabah.

Sementara itu bercakap kepada pemberita kemudian, Musa berterima kasih kepada Ketua Audit Negara kerana sentiasa memberikan nasihat dan tunjuk ajar kepada kerajaan negeri sehingga mencapai kejayaan dari segi pengurusan

kewangan.

"Kami bangga dengan pencapaian ini dan meminta semua jabatan dan agensi kerajaan negeri mempertingkatkan lagi pencapaian itu," katanya.

Berkenaan dengan anugerah kecemerlangan pengurusan kewangan yang diterima oleh enam jabatan dan agensi kerajaan negeri itu Musa berkata, ia adalah sebagai insentif dan pembakar semangat agar terus meningkatkan usaha, lebih berdedikasi seterusnya menjadi role model kepada jabatan dan agensi kerajaan yang lain.

"Kita mengadakan penanugerahan ini untuk memberikan insentif kepada mereka yang mencapai kejayaan empat bintang supaya terus bekerja gigih, lebih dedikasi dan menjadi contoh atau role model kepada agensi dan jabatan-jabatan lain.

"Bagi mereka yang belum berjaya saya berharap mereka boleh mencontohi jabatan-jabatan yang berjaya supaya kita dapat memberitahu kepada rakyat bahawa kita mengurus kewangan atau dana negeri dengan baik," katanya.



CENDERA HATI ... Musa (tengah) menyampaikan cendera kenangan kepada Ambrin.



ALBUM KENANGAN ... Musa bergambar bersama wakil-wakil jabatan dan agensi yang menerima Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan.